

Anwar bukan faktor penentu pilihan raya: PM

PUTRAJAYA: Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata, kemunculan semula Datuk Seri Anwar Ibrahim dalam politik secara aktif tahun depan, tidak akan mempengaruhinya untuk mengadakan pilihan raya lebih awal.

Perdana Menteri menegaskan seandainya beliau mahu mengadakan pilihan raya pada masa tertentu, Anwar bukan antara faktor yang akan menentukannya.

Abdullah berkata demikian dalam temu bual dengan *Reuters* dan *CNBC*

“Ada banyak perkara yang pengundi mahu saya lakukan bagi memenuhi janji saya kepada mereka”

Abdullah Ahmad Badawi
Perdana Menteri

di pejabatnya di sini, semalam. Temu bual itu akan disiarkan *CNBC*, minggu depan.

Tempoh kerajaan sekarang akan berakhir pada 2009, tetapi sudah ada desas-desus kononnya Abdullah akan mengadakan pilihan raya umum dalam tahun ini, iaitu sebelum larangan terhadap Anwar berpolitik secara aktif lupus pada April 2008.

Bekas Timbalan Perdana Menteri itu dipecat pada 1998 oleh Perdana Menteri ketika itu, Tun Dr Mahathir Mohamad. Anwar kemudian didak-

wa atas tuduhan menerima rasuah dan meliwat serta dipenjarakan bagi tuduhan rasuah.

Beliau selesai menjalani hukuman yang dijatuhkan untuk kes rasuah pada September 2004 dan dibebaskan daripada tuduhan meliwat. Bagaimanapun, Anwar dilarang memegang sebarang jawatan dalam parti politik atau kerajaan selama lima tahun daripada tarikh dibebaskan, iaitu sehingga April tahun depan.

Sambil menolak andaian kononnya kemunculan semula Anwar

mungkin mendorongnya mengemukakan pilihan raya lebih awal, Abdullah berkata:

“Ada banyak perkara yang pengundi Malaysia mahu saya lakukan bagi memenuhi janji saya kepada mereka dan saya berpendapat masih ada banyak lagi kerja perlu dilakukan - itulah yang saya percaya secara ikhlas.”

Mengenai isu membabitkan Proton Holdings Bhd (Proton) dan pembuatan kereta Jerman, Volkswagen,

LIHAT MUKA 2

Volkswagen, Proton masih runding

DARI MUKA SATU

Abdullah berkata, Proton kini hanya pada peringkat rundingan dengan Volkswagen mengenai gandingan strategik.

Beliau berkata, keputusan berhubung Proton tidak mungkin dicapai dalam minggu ini, walaupun Malaysia masih menasarkannya untuk menyelesaikannya sebelum tarikh akhir pada penghujung bulan ini.

Ditanya jika urusan dengan Volkswagen, pengeluar kereta keempat terbesar di dunia, boleh diumumkan minggu ini, Abdullah berkata: "Saya fikir tidak boleh."

Mengenai kemungkinan sekiranya ada rakan niaga asing yang boleh membuat pelaburan dalam Proton berbanding membeli sebahagian ekuiti kerajaan, Perdana Menteri berkata:

"Sudah tentu saya gembira jika mereka boleh membawa masuk dana sendiri. Ia bergantung kepada keputusan rundingan. Kita menghadapinya dengan fikiran terbuka."

Berdasarkan laporan akhbar tempatan minggu lalu yang memetik kenyataan Ketua Jualan Antarabangsa Volkswagen, Kevin Rose di Singapura, rundingan usaha sama antara pengeluar kereta itu dan Proton kini difahamkan berada pada 'peringkat yang agak maju'.

Sebelum ini, Menteri Kewangan Kedua, Tan Sri Nor Mohamed Yakcop, berkata Volkswagen serta General Motors adalah antara pengeluar kereta tempatan dan luar negara yang kini sedang berunding berhubung pegangan ekuiti dalam Proton dan kerajaan menetapkan sasaran membuat keputusan menjelang hujung bulan ini.